



**PUSAT PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA
SHAH ALAM**

BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) RECORDS MANAGEMENT

IMR621: ORAL HISTORY AND DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE

PROJEK SEJARAH LISAN:
SENI KRAF TANGAN AYAMAN BULUH

DISEDIAKAN OLEH:
(NUR AIZATUL AZWA BINTI RAHIM)
(2025178071)
(NUR IRDINA AISYAH BINTI ABDUL RAHIM)
(2025168061)

KUMPULAN:
CDIM2615C

PENSYARAH:
DR HANIS DIYANA KAMARUDIN

TARIKH:
MINGGU KE - 14

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI ABREVIASI	iii
SINGKATAN NAMA / AKRONIM	iv
1.0 BIODATA PENEMUBUAL.....	1
1.1 Penemubual Pertama	1
1.2 Penemubual Kedua	2
2.0 BIODATA TOKOH	3
2.1 Tokoh Pertama	3
2.2 Tokoh Kedua	4
3.0 PENGENALAN	5
3.1 PENDAHULUAN	5
3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	6
3.3 PERMASALAHAN KAJIAN	6
3.4 OBJEKTIF KAJIAN	7
3.5 PERSOALAN KAJIAN	7
3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	7
4.0 TINJAUAN LITERATUR	8
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL.....	11
5.1 TEMUBUAL	11
6.0 RALAT	31
7.0 LOG TEMUBUAL	32
8.0 RUMUSAN	42
9.0 INDEKS.....	43
10.0 RUJUKAN	44
11.0 LAMPIRAN	46
11.1 Surat permohonan menjalankan temubual	46
11.2 Borang perjanjian	47
11.3 Senarai soalan	48
11.4 Diari penyelidikan	50
11.5 Gambar Bersama tokoh	52

ABSTRAK

Kajian sejarah lisan ini bertujuan untuk mendokumentasikan warisan seni kraf tangan anyaman buluh melalui temu bual Bersama dua orang pengusaha, iaitu Encik Mansor Bin Ujang dan Puan Zaitoniah Binti Karim dari Kraf Dol Buluh yang terletak di Hulu Langat, Selangor. Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan penurunan minat generasi muda terhadap seni anyaman buluh, isu kekurangan tenaga mahir, serta strategi untuk memperluaskan aspek komersial dan pemasaran produk anyaman buluh. Kaedah kajian yang digunakan ialah temu bual sejarah lisan bagi mendapatkan maklumat berdasarkan pengalaman dan pengetahuan tokoh secara langsung. Hasil kajian menunjukkan bahawa kurangnya minat generasi muda, kekurangan pendedahan awal, pengaruh teknologi, kesukaran mendapatkan tenaga pelapis, serta cabaran memperoleh bahan mentah dan memasarkan produk merupakan antara isu utaman yang dihadapi. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam pameran, sokongan daripada agensi berkaitan, serta usaha memperkenalkan seni anyaman kepada masyarakat dilihat berpotensi meningkatkan kesedaran dan minat terhadap warisan ini. Kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan serta menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan pendokumentasian seni kraf tangan anyaman buluh agar terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Kata Kunci: Anyaman buluh, seni kraf tangan, pengusaha, generasi muda, kemahiran, cabaran, pemasaran.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, projek sejarah lisan mengenai seni kraf tangan anyaman buluh ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Tanpa pertolongan dan kurnia daripada Allah SWT, segala usaha yang dijalankan mungkin tidak mencapai hasil yang diharapkan. Kesabaran dan kekuatan yang diberikan olehNya sepanjang proses penyelidikan ini menjadi sumber semangat untuk terus berusaha sehingga projek ini selesai dengan baik.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pensyarah kursus kami, Dr. Hanis Diyana Binti Kamarudin yang telah memberikan bimbingan, nasihat, dan tunjuk ajar sepanjang tempoh penyediaan projek ini. Sokongan beliau bukan sahaja dalam bentuk ilmu pengetahuan, tetapi juga dorongan moral yang amat diperlukan bagi memastikan setiap langkah kajian berjalan dengan teratur. Segala panduan yang diberikan telah membantu memperkukuh kefahaman tentang kaedah penyelidikan sejarah lisan serta menambah keyakinan dalam menghasilkan laporan yang bermakna.

Ucapan terima kasih yang mendalam juga ditujukan kepada tokoh yang kami temu bual, Encik Mansor Bin Ujang dan Puan Zaitoniah Binti Karim (Pengusaha Kraf Dol Buluh), kerana kesudian mereka meluangkan masa, berkongsi pengalaman, dan memberikan maklumat yang begitu berharga mengenai seni kraf tangan anyaman buluh. Perkongsian mereka bukan sahaja membuka ruang untuk memahami teknik dan proses penghasilan kraf tangan tradisional, tetapi juga memberi gambaran jelas tentang nilai budaya dan warisan yang terkandung di dalamnya.

Tidak dilupakan juga kepada ibu bapa yang sentiasa memberikan sokongan moral, doa, dan dorongan sepanjang perjalanan menyiapkan projek ini. Kasih sayang dan pengorbanan mereka menjadi sumber kekuatan yang tidak ternilai. Begitu juga kepada rakan-rakan yang sentiasa membantu, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dalam memberikan idea dan pandangan sepanjang proses penyelidikan.

Akhir kata, temu bual ini telah memberi manfaat besar dalam menambah pengetahuan tentang seni kraf tangan tradisional serta menyedarkan kepentingan memelihara warisan budaya agar terus dihargai oleh generasi akan datang.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
Geo Park	Kawasan di Selangor yang diiktiraf kerana keunikan geologi, biodiversiti dan budaya untuk dipelihara.
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara

SINGKATAN NAMA / AKRONIM

MU: Mansor Ujang

ZK: Zaitoniah Karim

NAA: Nur Aizatul Azwa

NIA: Nur Irdina Aisyah

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama



NAMA	Nur Aizatul Azwa Binti Rahim
NO. MATRIKS	2025178071
PROGRAM	Bachelor of Information Science (Hons)
KOD KURSUS	IMR621 – Oral History and Documentation of Cultural Heritage
FAKULTI	Pusat Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
PERANAN DALAM KAJIAN	Penemubual dan Penyelidik
TANGGUNGJAWAB	Bertanggungjawab dalam penyediaan soalan temu bual, pemngumpulan data, pelaksanaan sesi temu bual, penyediaan transkrip serta penulisan laporan kajian

1.2 Penemubual Kedua



NAMA	Nur Irdina Aisyah Binti Abdul Rahim
NO. MATRIKS	2025168061
PROGRAM	Bachelor of Information Science (Hons)
KOD KURSUS	IMR621 – Oral History and Documentation of Cultural Heritage
FAKULTI	Pusat Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
PERANAN DALAM KAJIAN	Penemubual dan Penyelidik
TANGGUNGJAWAB	Membantu dalam pelaksanaan sesi temu bual, rakaman audio dan video, pengumpulan data, penyediaan transkrip serta dokumentasi kajian

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Tokoh Pertama



Nama	Mansor Bin Ujang
Umur	71 Tahun
Asal Usul	Batu 14 Hulu Langat, Selangor
Status	Berkahwin
Bilangan anak	1 orang cahaya mata
No. Telefon	011-2137 3819
Jawatan	Pengusaha Seni Kraf Tangan Anyaman Buluh
Nama Perniagaan	Kraf Dol Buluh
Tahun Penubuhan	2013
Lokasi Perniagaan	Taman Sri Kundang, Hulu Langat, Selangor
Bidang Perniagaan	Seni Kraf tangan Anyaman Buluh
Sumber Pembelajaran	Kemahiran diperoleh dan dipraktikkan turun temurun oleh orang terdahulu
Tujuan Perniagaan	Mengekalkan seni kraf tangan tradisional dan juga sebagai sumber pendapatan selepas bersara
Produk Utama	Bakul Anyaman Buluh

2.2 Tokoh Kedua



Nama	Zaintoniah Binti Karim
Umur	65 Tahun
Asal Usul	21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor
Status	Berkahwin
Bilangan anak	1 orang cahaya mata
No. Telefon	011-2137 3819
Jawatan	Pengusaha Seni Kraf Tangan Anyaman Buluh
Nama Perniagaan	Kraf Dol Buluh
Tahun Penubuhan	2013
Lokasi Perniagaan	Taman Sri Kundang, Hulu Langat, Selangor
Bidang Perniagaan	Seni Kraftangan Anyaman Buluh
Sumber Pembelajaran	Kemahiran diperoleh dan dipraktikkan turun temurun oleh orang terdahulu
Tujuan Perniagaan	Mengekalkan seni kraf tangan tradisional dan juga sebagai sumber pendapatan selepas bersara
Produk Utama	Bakul Anyaman Buluh

3.0 PENGENALAN

3.1 PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005), buluh bermaksud tumbuhan yang batangnya keras (berongga dan beruas). Buluh merupakan sumber alam yang sangat berguna dan boleh diolah kepada pelbagai bentuk. Menurut Mohd Zaihidee (2009), buluh adalah sejenis tumbuhan liar "*woody grass*" yang terdapat di serata dunia seperti di Jepun, China, India, Bangladesh, Indonesia, Malaysia, Amerika Tengah, Amerika Selatan dan Afrika. Buluh juga sudah terdapat di Malaysia sejak zaman dahulu dan telah membantu orang-orang terdahulu dalam proses kehidupan seharian mereka. Menurut Wan Rafiekal & Roszehan (2019), buluh telah digunakan secara tradisional untuk banyak tujuan, termasuk tempat perlindungan, sumber makanan, peralatan memasak, alat muzik, senjata memburu, kraf tangan dan perabot. Bagi kegunaan moden pula, buluh terus dipasarkan secara komersial sebagai produk seperti penyepit, tikar, kertas, venir, tirai matahari dan perabot berlaminasi (Wahab, 2006).

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai jenis hasil seni kraf tangan tradisional yang berbeza-beza. Pelbagai jenis kraf boleh didapati di Malaysia, termasuk kraf berasaskan tekstil, kraf rimba, hasil logam, hasil tanah dan aneka kraf (Perbadanan Pembangunan Kraf tangan Malaysia 2023). Setiap kraf tangan mempunyai keunikannya yang tersendiri dan merupakan nilai yang tinggi kepada setiap rakyat Malaysia kerana ia mencerminkan identiti bagi setiap kaum. Bidang kraf tangan ini telah menunjukkan bahawa ia mempunyai keupayaan untuk memaparkan keindahan, budaya dan kesempurnaan intelektual serta merangkumi kehidupan dalam konteks nilai-nilai kemanusiaan dan peradaban manusia (Asrol et al., 2024). Menurut Yang et al. (2018), Industri kraf tangan tradisional telah banyak menyumbang kepada masyarakat, pertumbuhan ekonomi, dan budaya komuniti.

Anyaman merupakan seni kraf tangan tradisional yang diajar dan diterapkan oleh generasi terdahulu sehingga ke generasi sekarang. Teknik-teknik anyaman dilakukan dengan menjulurkan helaian bilah daun, lidi, rotan, akar, buluh atau tumbuhan lain dengan cara menyusunnya secara bersilang-silang di antara satu sama lain (Nor Hafiza Ismail, 2013). Anyaman juga mempunyai jenis-jenis nya yang tersendiri dan pelbagai mengikut daerah yang berbeza-beza di Malaysia. Menurut Nor Hafiza Ismail (2013), anyaman seperti anyaman mengkuang, pandan, rotan, bemban, buluh, lidi dan ribu-ribu mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti dan mendapatkan maklumat berkaitan seni kraf tangan anyaman buluh sebagai salah satu warisan kraf tangan tradisional. Kajian ini dijalankan di daerah Hulu Langat, Selangor, bersama pengusaha “Kraf tangan Dol Buluh” iaitu Encik Mansor Bin Ujang dan Puan Zaitoniah Binti Karim. Kajian ini menelusuri pembuatan seni yang unik ini kerana ia memerlukan kemahiran, ketelitian, dan kreativiti yang tinggi untuk mencipta corak yang menarik dan berkualiti. Namun begitu, pada era yang serba moden ini, pengetahuan mengenai kraf tangan anyaman buluh sudah kian tenggelam disebabkan oleh kekurangan minat oleh generasi muda. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendokumentasikan kepentingan, cabaran, kaedah dan usaha pemeliharaan anyaman buluh agar warisan ini terus dikekalkan dan dihargai oleh generasi yang akan datang.

Selain itu, kajian ini juga berperanan sebagai usaha pendokumentasian sejarah lisan yang dapat memberi gambaran jelas tentang pengalaman, teknik, dan nilai budaya yang terkandung dalam seni anyaman buluh. Melalui temu bual bersama pengusaha, maklumat yang diperoleh bukan sahaja menekankan aspek teknikal pembuatan, tetapi juga menyentuh nilai warisan, budaya, peranan masyarakat, serta cabaran generasi muda dalam meneruskan kesinambungan kraf tangan ini. Oleh itu, hasil kajian ini dapat menjadi rujukan akademik dan sumber inspirasi kepada masyarakat untuk lebih menghargai serta memelihara seni kraf tangan tradisional yang semakin dilupakan ini.

3.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Seni kraf tangan anyaman buluh masih signifikan dalam masyarakat kini. Akan tetapi, terdapat permasalahan kajian yang dapat dilihat termasuklah kekurangan minat daripada generasi muda zaman kini. Ini disebabkan kerana, kurangnya pendedahan awal daripada ibu bapa dan orang-orang berpengalaman dalam menghasilkan dan memperkenalkan seni kraf tangan ini. Menurut Mohd Zhahidee Arshad (2015), nilai lebih banyak menentukan penerimaan kraf buluh daripada pengetahuan tentangnya.

Seterusnya, kekurangan tenaga mahir juga turut menjadi satu permasalahan. Adalah mencabar bagi pengusaha kraf mencari pewaris kerana ahli keluarga mereka tidak berminat untuk mempelajari dan mengekalkan warisan tersebut (Nor Fatimah, 2017). Kebanyakan pengusaha seni kraf tangan buluh ini terdiri daripada golongan yang berusia, manakala pengusaha dari golongan muda amatlah terhad. Hal ini kerana proses pembuatan seni kraf tangan buluh adalah secara praktikal dan bukan mudah dipelajari hanya berdasarkan manual sahaja.

Selain itu, dari segi komersial dan pemasaran amatlah kurang dititikberatkan. Hal ini kerana seni kraf tangan anyaman buluh mudah tenggelam dan tidak diberikan perhatian apabila bersaing dengan seni kraf tangan yang lain. Kekurangan hebahan dan promosi daripada platform-platform jualan turut menyekat potensi seni kraf tangan anyaman buluh ini untuk berkembang. Menurut Wan Rafiekal & Roszehan (2019), salah satu isu yang dihadapi oleh pengeluar luar bandar mengenai pengkomersialan hasil hutan buluh dan rotan ialah kekurangan maklumat mengenai pemasaran.

3.4 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Menenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan minat dalam kalangan generasi muda terhadap seni kraf tangan anyaman buluh.
- 2) Menenal pasti isu berkaitan dengan kekurangan tenaga mahir serta cabaran dalam proses pembelajaran dan penghasilan seni kraf tangan anyaman buluh.
- 3) Menenal pasti strategi yang berkesan bagi memperkenalkan serta memperluaskan aspek komersial dan pemasaran seni kraf tangan anyaman buluh.

3.5 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan penurunan minat dalam kalangan generasi muda terhadap seni kraf tangan anyaman buluh?
- 2) Apakah isu kekurangan tenaga mahir serta cabaran yang dihadapi dalam proses pembelajaran dan penghasilan seni kraf tangan anyaman buluh?
- 3) Apakah strategi yang berkesan untuk memperkenalkan serta memperluaskan aspek komersial dan pemasaran seni kraf tangan anyaman buluh?

3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian mengenai seni kraf tangan anyaman buluh ini memberi kepentingan dan sumbangan dalam beberapa aspek, seperti aspek budaya dan ekonomi. Kajian yang dijalankan ini memberi manfaat secara khusus kepada masyarakat di Malaysia. Kepentingan dari segi budaya yang dapat dilihat ialah apabila seni kraf tangan anyaman buluh menjadi warisan, identiti dan tradisi kepada masyarakat Malaysia. Menurut Zaihidee (2009), dalam masyarakat Melayu, kraf buluh mempunyai hubungan dengan budaya, peribadi dan masyarakat yang dilihat dengan simbolisme yang terdapat dalam kraf tersebut.

Selain itu, dari aspek ekonomi pula, seni kraf tangan anyaman buluh dapat memberi sumbangan kepada sumber pendapatan dengan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat ramai. Perkara ini sekaligus dapat menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara kita, khususnya di kawasan luar bandar. Menurut Azmi Arifin (2010), bagi membolehkan ianya berkembang dengan lebih baik, menjadi lebih dikenali dan dihargai oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa, kerajaan melalui agensi berkaitan perlu menyediakan sokongan menyeluruh, termasuk bantuan kewangan, promosi, latihan dan akses pasaran.

4.0 TINJAUAN LITERATUR

Tinjaun literatur merujuk kepada analisis kritikal terhadap kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan seni kraf tangan anyaman buluh. Dalam kajian ini, pelbagai jenis sumber digunakan bagi menghasilkan tinjaun literatur yang menyeluruh, termasuk artikel ilmiah, laporan berita, serta bahan audiovisual seperti video daripada YouTube. Penggunaan sumber yang pelbagai ini membolehkan analisis dilakukan dengan lebih kritikal, komprehensif, dan selaras dengan konteks kajian yang ingin dijalankan. Pecahan subtopik yang dapat dibincangkan adalah seperti latar belakang dan sejarah anyaman buluh, proses dan teknik pembuatan, kelebihan seni kraf tangan anyaman, cabaran dalam mengekalkan seni kraf tangan anyaman.

Menurut artikel ilmiah yang ditulis oleh Razana Baharudin et al. (2014), semenjak 300 tahun dahulu, seni anyaman telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup tradisional orang Melayu dan rumpun Nusantara. Menganyam ialah proses menjalin silang-menyilang bahan daripada pelbagai jenis tumbuhan untuk menghasilkan barangan yang menarik seperti beg tangan, tikar, kerusi, selipar, nyiru, tikar dan hiasan dinding (Kamus Dewan, 1994). Sejak berabad lalu, penggunaan bahan asas utama seperti tali, akar, dan rotan merupakan penciptaan kraf tangan anyaman yang menjadi tradisi. Bahan- bahan asas tumbuhan yang digunakan adalah daripada tumbuhan liar yang terdapat di hutan, paya, kawasan pantai dan kawasan kampung.

Selain itu, penciptaan kelarai (motif) dan corak adalah dua ciri utama bagi ragam hias seni anyaman. Menurut Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (n.d.), maksud kelarai difokuskan kepada motif yang “berbentuk” (seringkali unsur alam) manakala corak merujuk kepada susunan warna tanpa memperlihatkan kepada susunan warna dan bentuk motif. Tambahan lagi, anyaman tanpa kelarai dikenali sebagai “gadas”, dan didapati kira-kira 51 jenis kelarai berasaskan komponen alam semula jadi, seperti tumbuhan dan binatang.

Bukan itu sahaja, menurut artikel ilmiah menjelaskan bahawa terdapat dua motif utama yang digunakan dalam seni anyaman, iaitu motif daripada unsur tradisional dan motif daripada unsur moden kontemporari. Menurut Nur Farziana & Rahah (n.d.), motif flora dan fauna adalah motif asal yang sering dijumpai pada seni anyaman kraf tangan atau ukiran. Seni flora diinspirasikan daripada pucuk paku dan bunga tanjung, manakala motif fauna diinspirasikan daripada itik pulang petang burung dan sebagainya. Tidak dilupakan juga, penerapan motif abstrak dan geometri di daerah Saribas semakin banyak digunakan oleh kalangan tukang kraf (Nur Farziana & Rahah, n.d.). Motif geometri adalah seperti segi tiga dan segi empat, manakala motif abstrak lebih menggunakan rupa bentuk moden.

Seni kraf tangan anyaman buluh merupakan satu warisan tradisional yang unik dan cara pembuatannya perlulah diwarisi agar tidak dilupakan oleh generasi yang akan datang. Menurut laporan Malaysia Aktif (2022), proses kraf tangan ini mementingkan ketelitian yang tinggi, bermula dengan teknik memotong dan meraut buluh sehingga bertukar menjadi bilah-bilah halus yang senang dianyam. Kemahiran yang perlu diwarisi oleh orang-orang terdahulu ini amat dititikberatkan bagi mengekalkan identiti budaya, sekali gus dapat menjamin peluang perniagaan yang menjanjikan pulangan ekonomi jika diusahakan secara serius.

Selain itu, seni anyaman mengkuang pula memerlukan semangat kecekalan yang tinggi dan minat yang mendalam kerana proses pembuatannya rumit dan memakan masa yang lama. Menurut laporan Berita Harian (2026), proses bagi menghasilkan tikar mengkuang bermula dengan memotong daun mengkuang, kemudian melayurkannya di atas api, dan merendamnya selama tiga hari tiga malam agar warna asal dapat dibuang. Kemudian, daun itu perlu dijemur sehingga kering sebelum ia diwarnakan dan dianyam dengan berhati-hati dan teliti agar kualitinya terjamin. Proses ini sangat penting bagi memastikan khazanah budaya bangsa terus dihargai.

Di samping itu, berdasarkan artikel ilmiah yang membincangkan seni anyaman tradisional bakul lidi lekar, proses anyaman ini menggabungkan kemahiran tangan dan penggunaan bahan semula jadi seperti lidi kelapa atau lidah nipah bagi menghasilkan produk. Menurut Asrol Hasan (2024), dua teknik yang bersesuaian digunakan iaitu teknik jalinan dan teknik meliuk. Teknik pembuatan bakul ini mempunyai persamaan di seluruh wilayah, akan tetapi ianya sedikit berbeza dari segi jalinan dan coraknya. Tambahan pula, ketahanan bakul lidi amat luar biasa dan mampu bertahan lebih 10 tahun, kerana ia akan mengering secara semula jadi yang menjadikannya semakin kuat.

Menurut laporan Malaysia Aktif (2025), seni anyaman rotan yang berkualiti tinggi dan mempunyai seni yang unik mampu memberi sumber pendapatan yang konsisten. Hal ini

kerana, pengetahuan dalam bidang kemahiran tradisional ini dapat meningkatkan ekonomi terutamanya bagi penduduk di luar bandar. Tambahan pula, jika sokongan diberi dalam proses pemasaran dan promosi, hasil seni kraf tangan ini dapat diperluaskan kepada pembeli dari negara luar dan menjadikannya lebih dikenali.

Seterusnya, berdasarkan artikel ilmiah, bagi jenis seni anyaman mengkuang dan pandan, ianya mempunyai fungsi yang sangat berguna dalam kehidupan harian seperti pembuatan tudung saji, bakul, tikar dan pelapik gelas. Menurut artikel ilmiah yang ditulis oleh Noor Hafizah et al. (2023), ia bukan sahaja unik disebabkan maknanya, akan tetapi fungsi anyaman itu sendiri dapat digunakan dalam kehidupan seharian walaupun pada masa kini ia banyak dijadikan sebagai bahan perhiasan. Teknik kelarai yang digunakan menjadikan struktur anyaman lebih kuat dan kukuh.

Seni kraf tangan anyaman ini merupakan warisan tradisi yang melambangkan identiti budaya di Malaysia. Akan tetapi hari demi hari, warisan ini kian dilupakan dalam arus pemodenan. Berdasarkan audiovisual yang dipetik daripada sumber YouTube oleh Buletin TV3 (2023), Puan Norfutiha, iaitu pengusaha kraf tangan rotan, menyatakan bahawa golongan muda pada masa kini kurang berminat dalam mengusahakan bidang kraf, begitu juga dengan golongan muda di negara lain. Perkara ini menimbulkan kebimbangan dari segi berkurangnya kepakaran dan kemahiran menganyam yang dahulunya diwarisi secara turun-temurun, akan tetapi kini ianya semakin berkurang apabila pelapis generasi kini kian melupakannya.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan tentang anyaman buluh oleh penyelidik terdahulu, timbul beberapa persoalan yang ingin diketahui mengenai maklumat lengkap tentang anyaman buluh. Perkara ini termasuklah, proses penyediaan bahan, teknik atau motif yang digunakan, kegunaan dan fungsi produk serta cabaran atau masalah yang dihadapi dalam mengusahakan seni kraf tangan anyaman buluh ini.

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

5.1 TEMUBUAL

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Encik Mansor bin Ujang yang merupakan pengusaha seni kraf tangan anyaman buluh mengenai pengalaman beliau sebagai pengusaha kraf buluh. Rakaman ini dijalankan di Taman Seri Kundang, kediaman Encik Mansor pada tujuh belas hari bulan lima dua ribu dua puluh enam (17.5.2026) pada jam 11 pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Nur Irdina Aisyah binti Abdul Rahim dan dibantu oleh Nur Aizatul Azwa binti Rahim. Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

NAA: Baik lah, pak cik Mansor dan mak cik Eton kita akan mulakan temu bual ini dengan mengenali sedikit sebanyak mengenai latar belakang diri pak cik dan mak cik. Boleh saya tahu pak cik dan mak cik perkenalkan diri secara ringkas? Berasal dari mana? Umur berapa? Dan boleh ceritakan sedikit latar belakang.

MU: Nama saya Mansor bin Ujang. Asal daripada Batu 14 Hulu Langat, apani lah sini lah-sini lah.

NAA: Umur?

MU: Umur saya 71 tahun.

NAA: Umur mak cik?

MU: Umur mak cik 65 tahun.

ZK: Nama saya Zaitoniah Binti Karim. Usia 65 tahun.

MU: Asal.

ZK: Asal daripada Sungai Lui dekat sini juga.

MU: Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat.

NAA: Boleh saya tahu pak cik dan mak cik ada berapa orang anak?

ZK: Anak ada 3 orang.

MU: Tetapi 2 sudah meninggal, tinggal seorang.

NAA: Baik, seterusnya, sebelum ini, sebelum pak cik dan mak cik berkecimpung dalam bidang seni kraf tangan ini, boleh saya tahu apa pekerjaan pak cik dan mak cik sebelum menceburi bidang seni kraf tangan anyaman buluh?

MU: Mak cik kau kerja, dia tiada kerja. Dia kerja suri rumah sahaja. Saya kerja di memandu di Pejabat Daerah Hulu Langat selama 36 tahun.

NAA: 36 tahun

MU: Pejabat Daerah Hulu Langat, 18 tahun di Kajang, 18 tahun di Bandar Baru Bangi. Pejabat daerah. Selepas itu baru saya buat kerja ini lah. Selepas pencen.

NAA: Lepas pencen, seterusnya macam mana pak cik mula berminat dengan seni kraf tangan tradisional ini?

MU: Mula-mula memang suka-suka sahaja. Selepas itu kan kawan-kawan saya kata semua suka. Selepas itu, ada orang tempah. Jadi, jual laku pula, minat itu buat lah, saya memang minat, minat buat.

ZK: Semenjak itu ada duit sahaja kan.

MU: Ada lah pendapatan itu sikit orang bagi.

ZK: Orang kahwin ke, tempah orang kahwin. Ada buat *hamper* [cenderamata]. Semua itu datang rumah jadi kita buat lah.

MU: Mula-mula kita berniaga dekat depan itu, tidak berapa laku. *Last- last* [akhirnya] berniaga dekat rumah sahaja, orang datang rumah. Pelanggan tetap saya itu ada, orang asli daripada Subang itu. Intan nama Intan. Dia yang terus ambil benda ini. Bakul tiga tingkat ini, dua tingkat ini dia jual.

NAA: Kalau minat itu kan, pak cik dan mak cik minat itu dapat dari mana? Macam ada orang-orang tua yang mengajar dulu ke?

PM: Saya sebenarnya tidak belajar dengan orang tua, tapi tengok orang tua itu buat. Masa itu, tidak ada minat lah, tengok sahaja, bila sudah pencen ini baru minat buat. Mendatangkan hasil pula kan, lagi suka lah begitu lah.

NAA: Hendak isi waktu lapang lah, macam itu lah.

ZK: Pencen kan.

MU: Lagipun sudah pencen, tidak ada apa-apa hendak kerja buat.

ZK: Ini lah kerja.

NAA: Jadinya, bila pak cik mulakan buat ini? Pada tahun bila?

PM: Saya pencen umur 58. Sekarang sudah 13 tahun. Sudah pencen. Masa itu lah saya buat.

NAA: 13 tahun.

MU: 13 tahun, sekarang berapa?

ZK: Kita duduk sini sudah 30.

MU: Bukan, buat benda ini. Lebih kurang dalam 13 tahun lah. Selepas pencan lah kira.

NAA: Baik lah. Seterusnya kami ingin mengetahui pendapat pak cik dan mak cik mengenai macam isu, cabaran, strategi dalam menghasilkan kraf tangan tradisional ini. Contohnya, pada pendapat pak cik adakah generasi muda pada masa kini masih berminat terhadap seni kraf tangan anyaman buluh?

MU: Rasa saya memang, tidak tahu lah ada tidak ada minat. Macam benda ini rumit. Lagi pun hendak kena ada bakat. Rumit, ada bakat, ada minat jadi lah. Kalau tak ada tak jadi lah. Lagipun, benda ini bahaya pun banyak ini. Kena____, kena selumba, kena apa terpotong tangan macam pisau itu kan. Itu tak biasa lah. Tak kisah lah.

NAA: Pak cik rasa kalau macam adakah pengaruh teknologi dan media sosial sekarang memberi kesan terhadap minat generasi muda? Contohnya macam generasi muda sekarang kan *scroll* [akses] telefon, main telefon. Pak cik dan mak cik rasa benda itu pengaruh tak mereka?

ZK: Benda ini?

NAA: Ye untuk berkecimpung lah, untuk *try* [cuba]--

ZK: Tak rasanya.

MU: Itu tiada lagi lah.

ZK: Tiada lah, budak-budak muda

MU: Cucu-cucu pun tak berminat.

ZK: Haha (ketawa)

NAA: Okay, seterusnya bagi mak cik, mak cik rasa generasi muda menganggap seni anyaman buluh ini sebagai suatu yang ketinggalan zaman atau pun tidak?

ZK: Ketinggalan zaman lah.

NAA: Haah, kalau zaman sekarang kan dah berkembang.

MU dan ZK: Haa! (setuju)

MU: Kalau ikutkan sekarang memang kira ketinggalan zaman lah kiranya. Benda-benda ini suka orang tua-tua sahaja lah, suka boleh lah contohnya. Orang muda kurang minat lah.

NAA: Okay, kalau macam sokongan daripada keluarga atau masyarakat setempat boleh, bagaimana mereka boleh pengaruhi minat generasi muda terhadap kraf tangan ini? Soalan saya macam mana, adakah sokongan daripada keluarga atau masyarakat pengaruhi minat generasi muda?

ZK: Masyarakat sahaja dekat semua orang kan.

MU: Sebab masa sekarang tak ada orang minat lah. Tak ada yang berminat lah. Kalau ada orang minat hendak belajar, saya boleh ajar. Tak ada orang minat. Sebab kita pun benda-benda tak hendak lah habis-habis situ sahaja kan. Tak ada yang minat.

NAA: Contohnya kalau keluarga, pak cik dan mak cik anak-anak, pak cik dan mak cik masih berminat hendak teruskan atau pun tidak?

MU: Kalau lagi ada sihat lagi terus lah buat. Saya buat sahaja lah.

ZK: Minat

MU: Kalau sudah tidak sihat tiada lah buat lagi lah. Itu sahaja lah. Sekarang masih lagi sihat, buat lah.

NAA: Kalau macam itu pak cik dan mak cik rasa apa yang boleh kita, boleh dilakukan untuk menaikkan lagi minat pada kalangan generasi muda masa kini mengenai seni anyaman buluh ini? Apa yang boleh menarik mereka untuk belajar dan mencuba menganyam anyaman buluh ini? Apa yang rasa-rasa boleh menarik minat mereka?

ZK: Tak tahu lah (ketawa) -

MU: Payah lah - tiada yang menarik minat.

NAA: Kalau macam pak cik dan mak cik ada cucu?

MU: Ada.

NAA: Kalau cucu ada *try* [cuba] tak hendak cuba buat ini?

MU: Dia pandang pun tidak

ZK: Dia main ada lah

NAA: Oh, tak ada *try* [cuba] hendak ini (merujuk kepada membuat bakul)-.

ZK: Tapi Cica (cucu) ada dia hendak *try* [cuba] -- “Nenek hendak cuba buat”.

MU: Dia (Cica) ada minat lah itu. Mungkin dia (Cica) seorang ada minat sedikit lah kan.

NAA: Cuba-cuba begitu lah. Tapi tak mendalam lah macam itu kira.

ZK: Dia (Cica) main hayun bakul ini ada lah.

NAA: Kalau bagi pendapat pak cik dan mak cik kalau dekat sekolah cikgu-cikgu ke perkenalkan mata pelajaran ini ada menganyam buluh, pak cik dan mak cik rasa benda itu dapat membantu tak lagi untuk tarik minat generasi sekarang?

ZK: Tak tahu (ketawa).

MU: Payah hendak cakap dulu kan.

ZK: Budak sekolah.

MU: Macam budak sekolah sekarang ini kan darjah 1, balik sahaja main *handphone* [telefon pintar]. Contoh macam cucu saya balik mengaji ke balik sekolah -- “Nenek telefon” itu dia tanya, bukan tanya benda lain. Dia tanya itu sahaja (telefon). Dia tanya telefon dia dahulu. Macam mana hendak cakap, dapat telefon dia hilang - dia senyap. Hari-hari itu sahaja kerja, budak-budak sekarang tiada benda hendak buat. Ada panggil makan pun payah. Sekarang susah hendak cakap lah budak-budak sekarang.

NAA: Kalau masa senggang pun mereka ada hendak *try* [cuba] cuba atau *still* [masih] main telefon?

MU: Buat masa sekarang tak ada lah. Ada cucu yang sulung_____ (tidak jelas) - . Itu lah dia budak-budak sekarang susahnyanya kalau budaya *handphone* [telefon pintar] itu. Bukan budak-budak sahaja orang tua pun macam itu juga kan. Macam mana.

NAA: Kalau macam mak bapak, cucunya ada suruh cuba tolong-tolong atuk nenek untuk buat ini (merujuk bakul anyaman buluh)? Ada?

ZK: Tak ada.

NAA: So [jadi], peranan ibu bapa itu kurang lah dalam menyuruh ini.

Objektif 2: Mengenal pasti isu berkaitan dengan kekurangan tenaga mahir serta cabaran dalam proses pembelajaran dan penghasilan seni kraf tangan anyaman buluh.

NIA: Okay seterusnya, saya akan sambung, pada pendapat pak cik dan mak cik, mengapa semakin kurang individu yang mahir dalam seni anyaman buluh ini?

MU: Satu, tiada pendedahan macam awal kan, lagi satu mungkin mak bapak dia dulu tiada pun yang minat macam itu jadi tiada lah jadi apa yang diminat, tapi kadang anak dan cucu pun tidak minat susah juga hilang begitu sahaja lah, mungkin pergi dekat orang lain, ada orang lain yang minat kalau tak ada habis begitu sahaja lah.

NIA: Okay seterusnya, apakah cabaran utama dalam melatih individu baharu untuk mempelajari seni anyaman buluh? Contoh kalau ada macam ada orang yang hendak belajar dengan pak cik dan mak cik cabaran dia apa untuk pak cik ajar mereka yang baharu ini.

MU: Contoh macam tadi lah _____ (sambil menunjukkan demonstrasi anyaman bakul) sambung ini boleh buat tidak, macam itu lah boleh sambung tidak, tidak boleh buat, tidak minat dengan tidak ada bakat, ada bakat ada minat boleh la.

ZK: Ada cara dia, kalau salah buka balik dia tidak akan jadi naik atas, itu lah dia cabaran dia, kalau orang hendak belajar kami boleh ajar tetapi kena ada sabar lah, saya belajar hendak buat dia punya bawah (sambil menunjukkan tapak bakul) kena ada kesabaran kalau tidak, tidak jadi.

NIA: Okay seterusnya, berapa lama tempoh yang biasanya diperlukan untuk seseorang itu kalau dia hendak belajar dia hendak menguasai kemahiran itu, kemahiran anyaman? Kalau mak cik pak cik ada ajar orang yang hendak belajar berapa tempoh untuk menguasai kemahiran itu?

MU: Tidak tahu lah, rasanya kalau setakat sehari dua hari belum tentu boleh dapat hendak ingat apa dia, payah hendak cakap lah, mungkin lama lain orang lain lah tempoh kalau betul-betul hendak belajar lah.

NIA: Okay seterusnya, adakah generasi muda menunjukkan kesungguhan dan kesabaran dalam mempelajari seni anyaman buluh? Kalau macam ada generasi muda yang belajar dengan mak cik pak cik mereka menunjukkan kesungguhan ke ataupun macam sambil lewa?

ZK: Kesungguhan

NIA: Nampak kesungguhan

MU: Buat masa sekarang tidak ada yang hendak belajar itu, itu yang kita tidak tahu itu.

ZK: Tetapi ada yang dulu dia sungguh hendak belajar.

NIA: Okay seterusnya, apakah kesukaran yang dihadapi semasa proses hendak hasilkan anyaman buluh ini? Apa yang mak cik pak cik rasa sukar untuk hasilkan kraf buluh ini?

MU: Kesukaran dia orang hendak cepat modal tidak cukup, itu cabaran dia.

ZK: Dia punya perkakas tak cukup.

MU: Benda ini contoh macam gerudi, benda itu semua beli itu (sambil menunjukkan alatan menganyam). Benda itu beli, rotan ini beli, dawai beli, orang nak cepat.

ZK: Bila orang hendak cepat, rotannya belum sampai, kita sudah *order* [pesan].

MU: Rotan beli dekat jauh sana, dekat City Care (kedai berhampiran farmasi) ke apa dekat Jelebu sana rotan. Ini sekilo ini enam puluh ringgit sekilo.

NIA: Okay seterusnya, adakah faktor seperti macam kos bahan dan peralatan bagi cabaran kepada mak cik pak cik untuk menghasilkan anyaman ini? Kos bahan semua.

MU: Ya

NIA: Kos bahan semua.

MU: Kadang-kadang benda itu tidak ada dekat kedai. Kadang-kadang rotan tidak ada. Tidak ada masa itu tidak ada, orang hendak cepat, cabaran lah itu. Macam masalah mana hendak cari benda, tempat lain tidak ada (berdehem). Contoh macam dawai ini, (sambil menunjukkan peralatan yang digunakan) dawai ini dekat kedai *hardware* [perkakasan] tidak ada jual dawai ini. Dawai jual ini dekat kedai-kedai _____(tidak jelas) pekan Langkat itu. Kedai itu ada jual dawai ini. *Hardware* [perkakasan] tidak jual dawai ini, yang dawai kasar-kasar itu ada lah. Cabaran bila kita hendak pakai benda ini tidak ada susah lah. Kena tunggu sahaja lah, itu yang cabaran itu.

NAA: Kalau macam benda ini tadi pak cik kata *order* [pesan] dekat orang?

MU: Buat masa sekarang, ada orang-orang ada yang ambil sendiri. Buluh tidak ada masalah, yang ada masalah ini (sambil menunjukkan dawai) kadang dekat kedai tiada, dia kata sudah habis tunggu lah. Kita nak pakai cepat, kita nak beli banyak-

banyak benda ini, tidak cukup modal nak beli banyak, kadang beli sikit sahaja lah dawai besi ini.

NIA: Okay seterusnya, pada pendapat pak cik dengan mak cik, apakah langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir ini? Contoh kan macam mak cik pak cik, cara untuk mengatasi macam mana hendak mengatasi masalah kurangnya tenaga mahir, tenaga pengajar macam mak cik pak cik, cara untuk mengatasi dia?

ZK: Tidak tahu nak jawab.

NIA: Maksudnya macam generasi sekarang kan macam tidak reti untuk buat anyaman, jadi mak cik pak cik apa yang pak cik rasa langkah untuk mak cik pak cik ambil untuk bagi generasi ada kemahiran.

ZK: Rasa nak belajar.

NIA: Macam perkenalkan ke buluh ini?

MU: Itu lah dia, kalau kita perkenalkan apa pun kalau orang tak minat susah juga. Dia hendak orang muda ada minat dengan ada bakat baru boleh. Buat masa sekarang tak ada yang ada tunjuk betul-betul minat dengan ada bakat benda ini lagi. Mungkin benda ini tak, orang kata tidak menguntungkan ataupun leceh buatnya.

NIA: Okay seterusnya, macam mana penerimaan masyarakat terhadap pekerjaan dalam bidang anyaman ini? Mak cik pak cik rasa macam orang luar sana anggap anyaman ini adalah satu pekerjaan yang macam mana?

ZK: Okay lah, apa ini? oh okay (merujuk ekspresi pekerjaan anyaman buluh).

NIA: Merupakan hobi ke? Memang kerja tetap ke? Atau pun kerja sambilan?

ZK: Kerja sambilan.

NIA: Kerja sambilan, okay.

NIA: Seterusnya, adakah proses menghasilkan produk anyaman buluh ini dia ambil masa yang lama untuk setiap produk itu? Dari satu ke satu bahan.

MU: Itu lah kalau benda ini bukan saya bukan kerja sepenuh masa, tetapi sambilan. Kadang ada masa juga, ada juga masa *boring* [bosan] kan, kadang masa rehat ada apa kadang sibuk dengan cucu, ambil anak itu, *stop* [berhenti] lah itu dulu, Bila tidak ada baru buat. Bila ada masa lapang baru buat macam itu lah.

NAA: Maksudnya, kalau pak cik nak siapkan bakul yang macam itu kan (sambil menunjukkan bakul) pak cik ambil masa berapa lama?

MU: Kalau hendak siap sampai siap itu mungkin dalam 2 hingga 3 jam boleh siap satu lah. Contoh macam bakul itu kan (sambil menunjukkan bakul bersaiz kecil) dalam 1 jam 2 jam boleh siap lah kalau hendak buat. Tapi saya tak buat macam itu, saya buat sini sedikit, itu sedikit (merujuk kepada struktur anyaman bakul yang berasingan) jadi tak tahu masa itu, tak tahu masa berapa jam boleh siap.

NIA: Ambil masa sehari-hari ke macam untuk satu itu (merujuk anyaman bakul buluh)?

MU: Iya, contohnya macam ini (merujuk kepada struktur anyaman buluh yang tidak lengkap). Ini tidak buat kan, ini buat sedikit-sedikit, nanti buat sedikit-sedikit lagi. Bukannya terus buat.

NIA: Oh, maksudnya proses itu dilakukan macam tapak dahulu, pada hari lain. Bingkai hari lain, macam itu.

MU: Kadang buat ini (struktur bahan anyaman), kadang buat ini (struktur bahan anyaman lain) hendak ikat. Jadi macam itu ikat macam ini (merujuk kepada hasil ikatan), macam ini ikat kan guna dawai. Macam itu lah. Kadang anyam, kadang meraut ini. Kalau buluh ini, tengok kan buluh ini (sambil meraut buluh) kadang cincang buluh ini. Macam-macam lah.

NIA: Cara anyaman untuk setiap produk yang dihasilkan sama atau lain-lain? Macam bakul ini (merujuk kepada anyaman bakul yang berlainan saiz) cara anyaman dia sama ke?

MU: Bukan setakat lain sahaja, dia punya ukuran juga lain-lain. Contoh macam ini (merujuk kepada saiz ukuran bakul yang berbeza) untuk bakul macam ini, bila bakul ini dia tak boleh pakai yang panjang ini (membandingkan ukuran panjang bakul yang berbeza), dia kena panjang lagi, buluh itu kena panjang lagi. Contoh macam ini (menunjukkan struktur anyaman buluh yang lebih panjang). Dia mesti panjang ini (menunjukkan kepanjangan struktur anyaman buluh). Baru boleh jadi bakul ini, buluh itu lebih kurang panjang ini (merujuk saiz struktur kepanjangan anyaman buluh yang lebih panjang untuk bakul tertentu), bukan panjang ini (merujuk saiz struktur kepanjangan anyaman buluh bersaiz pendek untuk bakul tertentu), ini pendekkan tidak boleh, panjang ini baru boleh jadi macam ini bakul. Kalau panjang ni lagi besar ukur dia (merujuk struktur ukuran saiz anyaman bakul yang lebih besar), boleh besar lagi bakul. Kalau lagi besar, nanti lagi besar lah.

NIA: Okay, seterusnya macam mana pak cik dengan mak cik pastikan kualiti produk anyaman buluh ini sentiasa terjaga. Dalam mak cik pak cik hasilkan bakul produk ini, macam mana pak cik mak cik kekalkan kualiti dia.

ZK: Kita buat betul-betul lah

MU: Contoh macam ini lah kan, ini kan jarang kan (merujuk kepada hasil bakul anyaman tangan yang jarak-jarak) hendak rapat macam ni, contoh hendak rapat macam itu lah (merujuk kepada hasil bakul anyaman tangan yang rapat-rapat). Contoh macam itu lah, jadi boleh dapat macam ini rapatkan (merujuk kepada hasil bakul anyaman tangan yang rapat-rapat), rapat lah jadi, hendak kualiti cantik macam itu lah baru dia cantik jadinya.

NIA: Apakah cara untuk pakcik dengan makcik buat kalau tidak hendak bagi cuai, macam berlakunya masalah, macam ada jarang-jarang tu kan, macam mana pak cik mak cik pastikan tidak berlakunya ada-.

MU: Contoh macam ni lah, *check* [semak] balik lah. Contoh macam ini kan dia lari sudah--tolak pakai jari sini sedikit (sambil membetulkan kekemasan bakul anyaman buluh). Tolak sini sedikit bagi dia apa-. Okay sudah lah balik.

NIA: Oh maksudnya, sebelum pak cik dengan mak cik jual, so [jadi] pak cik mak cik akan pastikan dahulu.

Objektif 3: Mengenal pasti strategi yang berkesan bagi memperkenalkan serta memperluaskan aspek komersial dan pemasaran seni kraf tangan anyaman buluh.

NIA: Okay seterusnya, apa kaedah pemasaran yang mak cik pak cik guna untuk mempromosikan produk mak cik ini, kraf buluh ini, mak cik pakai apa.

MU: Buat masa sekarang tidak ada apa-apa. Benda itu sudah mula hendak terkenal sudah kan. Ini pun ada yang orang asli itu kan (merujuk kepada pelanggan tetap). Memang sudah ada terus ambil, sampai dia cakap--“pakcik buat *start* [mula] bulan 5 sampai bulan 10 terus buat benda ini”. Dia akan terus ambil.

NIA: Maksudnya pak cik akan buat ikut bulan ke memang setiap bulan memang ada.

MU: Terus

NIA: Setiap-setiap bulan memang ada.

MU: Macam ini kan, terus anyam buat ini (merujuk deretan bakul yang hendak dibuat).

NAA: Selain macam orang asli, ada bangsa lain ke yang beli? Selain pelanggan yang sama.

ZK: Itu lah, kalau ada orang datang rumah, ada lah. Tapi, dia datang tidak cukup tangan.

NIA: Okay seterusnya, pada pendapat pak cik dengan mak cik, apakah strategi yang boleh menarik minat masyarakat untuk beli produk mak cik ini? Macam strategi yang mak cik pak cik boleh buat untuk masyarakat luar nampak produk mak cik ini?

MU: Macam contoh kami pergi dekat depan sana ada buat pameran apa dia yang Geo Park, Geo Park (Kawasan di Selangor yang diiktiraf kerana keunikan geologi, biodiversiti dan budaya untuk dipelihara) medan dekat depan IKNB [*Institut Kemahiran Belia Negara*] itu. Masa itu dia ketua kampung dia masih jual dekat kami gerai, ada 10 gerai hari itu termasuklah buat tanjak, buat bunga, buat apa macam-macam lah kan ada 10 gerai, cuma dalam hulu langit sahaja lah semua. Masa itu orang itu masa itu lah-. Kami hendak pasarkan dahulu hendak orang itu tengok dahulu (orang Geo Park), orang tak sabar hendak ambil (pengunjung). Sudah ambil sorok-sorok dahulu--“eh jangan ambil dahulu, letak situ dahulu”. Masa itu sahaja lah, macam orang itu datang ramai-ramai masa itu dia nampak benda itu. Kalau tidak ada, tidak ada lah.

NIA: Okay seterusnya apa cabaran utama untuk mak cik pak cik promosikan produk ini produk bakul ini untuk macam tadi cabaran makcik pakcik pergi buat pameran itu cabaran dia apa?

MU: Cabaran dia selalu biasa barang tidak cukup lah. Kadang-kadang ketua kampung dia pergi dia jumpa_____ (tidak jelas) Dalam minggu ini ada majlis_____ (tidak jelas) macam-macam tempat cepat lah buat kalau kata 2 hingga 3 hari mungkin tidak sempat. Kalau barang ada tidak apa, kalau barang tidak ada-.

ZK: Itu lah cabaran dia.

NIA: Cabaran barang bahan mentah

MU: Macam barang depan ini, dua hari lepas sahaja penuh ini penuh bakul-bakul yang 3 tingkat bakul yang ada penuh. Orang Asli itu sudah ambil habis.

NIA: Orang asli daripada kawasan mana pak cik?

MU: Itu lah dia yang kami punya pelanggan tetap itu. Dia ambil dia jual saya punya daripada Subang, Shah Alam.

NIA: Ohh dia sebagai agen pak cik ke?

MU: Haah dia akan jual barang dia. Dia dulu orang cakap dia kata barang ini orang asli punya bukan saya punya

NIA: Oh pak cik buat dia ambil dia jual

MU: Jual. Contoh macam bakul itu harga saya jual biasa tiga puluh lima ringgit asal tiga puluh lima ringgit tetapi jual dekat dia dua puluh lima ringgit sahaja. Contoh yang tiga tingkat itu dia jual lebih dia punya pasal lah. Jadi saya jual dua puluh lima ringgit.

NIA: Ohh pak cik ambil dekat dia murah dia jual macam-.

MU: Tidak, saya jual dekat dia murah, murah sikit lah. Benda ini dia jual lima puluh ringgit ke terpulang pada dia lah saya tidak cakap lah.

NIA: Tetapi nanti dia akan letak harga dia sendiri

MU: Letak harga sendiri, saya tidak tahu harga. Ada tanda harga dia tidak taruk [letak] tapi dia taruk [letak] sendiri lah. Berapa nak taruk [letak] terpulang pada dia.

NIA: Seterusnya, apakah pak cik mak cik buat bila ada bersaing dengan produk moden atau pun produk keluaran kilang maksudnya macam barang-barang produk yang

dikeluarkan melalui kilang atau pun teknologi moden sekarang. Adakah ia mempengaruhi produk mak cik?

MU: Itulah orang asli itu dia cakap kalau yang ambil dari negeri China punya macam lagi cantik-cantik dia kata, tapi dia tak nak ambil barang itu, dia nak jual kami punya juga.

ZK: Dia tidak akan dapat lah macam ini.

MU: Dia kata dia tidak mahu yang China tapi cantik-cantik China buat kan bakul dia dekat kedai lagi cantik-cantik, kan dia tidak hendak. Dia hendak orang sini buat. Kita buat sendiri.

NIA: Oh kalau mak cik pak cik memang buat *homemade* [buatan tangan] lah sepenuhnya memang buat pakai tangan lah.

MU: Haah

NIA: Kalau yang macam-

ZK: Mesin

MU: Pakai mesin

NIA: Oh China buat pakai mesin

MU: Apa yang dia buat bakul-bakul semua jual dekat kedai-kedai cina kan cantik-cantik kan, itu semua cina bukan sini buat daripada cina sahaja datang. Tidak ada dapat dekat kedai pon.

NIA: Oh lain lah, macam mak cik pak cik boleh tahu lah mana yang dibuat pakai tangan, mana yang dibuat guna mesin.

MU: Ha

ZK: Yang orang dekat Sungai Buloh itu

MU: Dia tak nak beli benda itu, dia tak nak jual _____ (tidak jelas) buluh itu. Dia hendak beli, dia tidak mahu jual. Dia hendak cari kami punya buluh juga.

NIA: Okay seterusnya, macam mak cik pak cik rasa bantuan daripada kerajaan atau pun agensi tertentu dapat membantu dalam aspek memasarkan produk mak cik atau pak cik?

MU: Itu lah selalu macam itu lah macam pameran-pameran itu, biasa ketua kampung lah misal kata ada cakap ini ada tempat ini buat apa sahaja kami pergi lah. Ada lah

2, 3 tempat pergi kan banyak tempat tidak pergi, tapi macam-macam ada macam pameran-pameran dekat apa itu kan sama lah ini.

NIA: Jadi ianya sangat membantu makcik pakcik lah

MU: Haa

ZK: Ramai lah beli kira hari itu.

MU: Itu lah macam itu lah kalau dia cakap siang-siang tidak apa kalau cakap *last minute* [minit akhir] kalau ada barang tidak apa, kalau tidak ada barang kami kata-
-“Tok kami tidak ada barang tok, tidak ada lah pergi, tidak ada barang”. Contoh macam ini kata _____ (tidak jelas) esok lusa hendak pergi apa ada barang, tidak ada barang tidak pergi lah.

ZK: Itu hari itu dia ajak pergi mana itu, yang kita *cancel* [batal] tidak hendak pergi itu jauh.

NIA: Oh memang mak cik pak cik akan tahu bila ketua kampung ada bagi tahu mak cik pak cik lah

MU: Dia kalau ada program-program apa itu dia cakap terus terang tok bagitahu siang-siang nak buat siang siang

ZK: Macam ada orang besar-besar datang

MU: Kita buat pameran-pameran lah.

NAA: Setahun berapa kali dipanggil?

MU: Tidak tentu, payah (susah) nak cakap. Dia pun kadang-kadang *last minute* [minit akhir], *last minute* [minit akhir] tidak dapat buat lah. Tidak dapat nak buat apa. Kalau barang ada saya pergi lah kalau tidak, tidak ada lah saya pergi.

ZK: Orang ini tengok barang kan

MU: Macam ini barang dah habis, orang nak datang pun, kita pun nak apa-.

ZK: Entah ada lagi ke tidak orang

MU: Betul tungkus lumus buat balik semula ini yang datang pun _____ (tidak jelas) buat macam ini. Yang baru buat, semua ini baru buat ini 2, 3 hari baru sempat buat takut *client* [pelanggan] datang tidak ada barang hendak tunjuk kan itu sahaja lah. Dah habis dah berapa tinggal lagi dah, tinggal 2, 6 (sedang mengira bakul) tadi tinggal 2 sahaja.

NIA: Okay seterusnya, pada pendapat mak cik dengan pak cik, langkah yang boleh dilakukan untuk luaskan lagi pasaran seni anyaman buluh ini ke peringkat yang lebih tinggi, apa langkah yang mak cik pak cik ambil selain pergi pameran, ada sertai apa-apa agensi ke?

MU: Buat masa sekarang tidak ada. Takut kalau ada pun tolak lah itu. Ada satu itu dekat Kuala Lumpur ada tanya saya tidak mahu pergi.

NIA: Cara mak cik pak cik luaskan lagi mak cik pak cik punya produk dekat pameran mana lagi selain dekat Geo Park ini.

ZK: Dekat Geo Park pun dah ramai juga ini.

MU: Tidak ada, buat dekat rumah macam itu sahaja lah, tidak ada mana-mana

NIA: Oh dekat rumah sahaja lah.

NIA: Okay seterusnya, apakah jenis produk anyaman buluh yang mendapat permintaan tinggi dalam pasaran yang mak cik pak cik hasilkan?

MU: Macam itu ada bakul bawang 3 tingkat, 2 tingkat yang paling elok laku. Dia orang asli sahaja lah ambil dia. Yang lain dia kurang lah. Itu lah masalah dia bila orang hendak dah kelam kabut hendak tidak ada kadang orang hendak ini, ini tidak ada, dalam _____ (tidak jelas) orang hendak banyak, kena buat lah balik baharu, makan masa lah.

ZK: *Order* [pesanan] dulu lah

MU: *Order* [pesanan] dulu, bagi duit sikit deposit boleh buat. Kalau tidak ada, tidak ada lah. Pernah pak cik buat apa ini sukat ayam apa tempat anak ayam besar ini tinggi ini (sambil menunjukkan produk tersebut) buat buluh tidak ada deposit. Dah buat buat tidak ambil lama-lama biar sini _____ (tidak jelas) makan. Buang rugi lah. _____ (tidak jelas). Sekarang tidak ada sudah. Kalau orang hendak, hendak buat boleh, setuju buat bagi duit deposit sikit.

NIA: Okay seterusnya, pada pendapat mak cik dengan pak cik, adakah harga produk yang mempengaruhi minat pelanggan untuk membeli produk mak cik pak cik?

MU: Kalau salah satu nya lah harga itu murah lah tidak ada lah harga mahal lah. Kalau mahal dia jual mahal macam itu (sambil menunjukkan salah satu produk) contoh jual lima puluh ringgit hendak tidak beli, mesti orang tidak hendak beli kan, agak agak harga patut lah. Kalau jual murah kita rugi.

NIA: *Range* [lingkungan] harga mak cik pak cik punya produk daripada *start* [bermula] berapa ringgit hingga ke berapa ringgit sesuatu produk itu?

MU: Biasa paling murah pun dalam lima ringgit lah yang paling kecil. Yang paling kecil macam ini (sambil menunjukkan produk). Yang kecil sikit ini.

NIA: Oh lima ringgit.

MU: Lima ringgit, itu lah paling murah.

NIA: Kalau yang paling mahal mak cik pak cik jual berapa?

MU: Paling mahal kalau yang pukut besar itu, seribu dua ratus ringgit.

NIA: Produk apa itu?

MU: Pukat dia, dia buat untuk orang Korea dulu, dua puluh lima kaki tinggi dia. Paling mahal lah itu lah dia, dia tempah dia _____ (tidak jelas) sampai sini, dia punya permit kan, sebelah sana dia ada kedai-kedai dekat orang Korea.

NIA: Dalam masa berapa hari pak cik siap kan yang mahal itu

MU: Oh lama, itu makan sebulan lebih itu.

NIA: Sebulan lebih, hari-hari pak cik buat ke ada-

MU: Tidak tentu lah, bila ada masa buat lah, kalau tidak ada masa tidak ada lah bila ada masa buat tetapi dalam sebulan lebih siap.

NIA: Okay seterusnya, apakah usaha yang boleh dilakukan untuk jadikan anyaman buluh ini sebagai satu produk warisan yang lebih bernilai tinggi, macam apa yang pak cik buat untuk jadi kan kraf buluh ini satu produk yang bernilai tinggi? Bentuk anyaman ke? dia ada seni dia tersendiri.

MU: Masalah nya kalau saya buat macam contoh nya harga macam ini, ini sebenarnya ini boleh ini buluh ini boleh ke jadi rotan ini, ini pon boleh jadi rotan dia cantik tetapi tiga puluh ringgit hendak tidak dekat orang beli macam ini besar dia, tak jual sepuluh ringgit ini. Kalau rotan ini dalam tiga puluh hingga tiga puluh lima ringgit hendak tidak orang beli, cantik rotan, orang tidak hendak beli.

ZK: Kadang orang tidak hendak rotan, orang hendak buluh.

NIA: Oh lain.

MU: Haah, *original* [asli] kadang-kadang macam dia tidak hendak yang bentuk *clear* [jelas] ini tidak cantik, hendak yang *original* [asli] ini sahaja.

NIA: Oh, Maksudnya rotan dengan buluh ini dia memang ada bentuk dia yang tersendiri yang mak cik pak cik-

MU: Ini tidak beli, buluh ini tidak beli, ambil sahaja, ini beli

NIA: Oh rotan sahaja yang beli.

MU: Ini contoh sebenarnya, satu helai ini satu panjang ini dalam lebih kurang dua puluh lima ringgit harganya, harga dia contoh lah sekilo. Biasa jual segulung-segulung lah. Dia dua gulung ada enam puluh ringgit sahaja sekilo. Ini tidak beli, buluh tidak beli itu beza dia. Itu lah beza dia cantik, ada kualiti. Kalau itu ada cantik ada kualiti rotan cantik ini, memang cantik, cantik, cantik sahaja berkilat. Tapi harga mahal orang tidak hendak beli punya.

NIA: Selalu kalau bakul macam itu berapa harga pak cik tetapkan?

MU: Ini? (sambil menunjukkan bakul)

NIA: Haah

MU: Ini sepuluh sahaja.

NIA: Oh itu memang itu semua buluh tidak ada campuran rotan

ZK: Tidak ada

MU: Tidak, ada sikit rotan, sini sikit rotan, ini rotan sikit, ini rotan sikit, itu sahaja lah selepas itu dawai. Dawai ini tidak boleh ikat dengan rotan dia tidak boleh ikat dengan rotan kalau rotan tidak kuat macam ini rotan lagi pun susah tidak kuat hendak lekat dengan dawai.

NAA: Kalau buluh pak cik ada ambil sendiri sekitar sini lah?

MU: Ada ambil sendiri, ada upah orang itu, itu upah orang ambil itu.

NAA: Bayar juga lah.

MU: Satu batang panjang itu sepuluh ringgit sebatang.

NIA: Pak cik ada dusun buluh sendiri ke?

MU: Tidak ada

NIA: Tidak ada, memang ambil daripada orang sahaja lah?

MU: Kadang ambil belakang, kebun belakang ini, belakang ini tanah kerajaan ini belakang ini ada buluh pak cik ambil situ lah, bukan hendak banyak pakai dalam tiga batang empat batang sahaja untuk pakai itu.

NIA: Itu pun pak cik suruh orang lah? Orang untuk ambil kan.

MU: Dia kata buluh ini ambil bukan boleh pakai sejam dua jam pakai, dia kurang-kurang tiga minggu empat minggu pun boleh pakai, ini tiga minggu empat minggu pun boleh pakai baru dia elok, contoh sebatang panjang itu kan, itu *try* [cuba] dia elok dia cantik. Kalau baru ambil pakai dia macam _____ (tidak jelas) getah panggil, getah dia keluar macam getah hitam getah dia keluar tidak elok.

NAA: Selepas tiga hari pak cik macam – keluar kan dari _____ (tidak jelas).

MU: _____ (tidak jelas) – (memotong buluh)

MU: Ini tidak selalu pakai, yang pakai ini, ini boleh tiga ke empat ini _____ (tidak jelas) contoh macam ini. _____ (tidak jelas).

NIA: Dia memang kilat dari dalam eh pak cik, ke pak cik ada guna bahan untuk kilat kan dia?

ZK: Memang asli

NIA: Memang asli

MU: _____ (tidak jelas) kena buang _____ (tidak jelas) nanti kena batang tangan ini, boleh ambil lagi ini. _____ (tidak jelas) memang rumit kerja dia.

ZK: Kalau cina itu dia masuk sahaja.

MU: Nampak ini, ini cuba pegang tidak luka tangan, kalau yang baharu _____ (tidak jelas) luka tangan.

NIA: Apa

MU: Itu dah jadi dia letak macam ini lah ini, kan nampak, tidak lama-lama dia akan jadi macam ini, contoh macam ini lah, ini, ini kan _____ (tidak jelas) jadi bakul. Ini pendek sikit tetapi boleh pakai lah.

NIA: Okay apakah peralatan yang pak cik gunakan untuk hasilkan produk ini selain daripada buluh? Macam itu apa pisau apa?

MU: Ini parang, itu gergaji itu, ini pisau sebelah sana gunting, playar, ini semua alat alat dia. Ini pemotong buluh ini (sambil menunjukkan peralatan yang digunakan) macam ini kan untuk potong, tidak ada benda ini tidak jadi.

NIA: Itu kalau pisau itu apa nama dia pak cik?

ZK: Pisau peraut

MU: Pisau raut

NIA: Pisau raut

ZK: Raut bagi nipis

MU: Ini potong memotong

NAA: Bahagian mana selalu, yang keras lah?

MU: Yang kasar-kasar macam ini lah kan, _____ (tidak jelas) contoh macam ini ukur-ukur panjang ukur dulu baru potong, kalau yang ini pakai gunting sahaja ini, yang ini gunting macam ini, ini untuk kepit ini, hendak ikat dawai, ini hendak potong dawai, dawai itu potong kan.

NIA: Kalau parang itu selalunya pak cik potong yang-.

MU: Buluh-buluh macam ini lah (sambil menunjukkan buluh), gergaji potong itu.

ZK: Sapu cat itu.

MU: Ini untuk cat itu, cat _____ (tidak jelas).

NIA: Cat kayu lah.

ZK: Cat ini sapu bagi dia kilat

NIA: Okay soalan terakhir, adakah pak cik mak cik mempunyai pelanggan setia yang kerap membeli atau pun membuat tempahan produk?

MU: Itu lah dia orang asli, saya panggil dia intan, Intan nama dia.

ZK: Dia tolong tempah lah

NAA: Untuk tempahan itu setiap bulan lah kiranya?

MU: Tidak tentu, kadang sebulan itu dua kali pun ada, kami yang tidak terbuat, dia pon tidak paksa lah, ada stok bila tanya jalan kan? Jalan dia ambil sahaja _____ (tidak jelas) nanti dalam dua minggu dia tanya ada stok? Tanya ke anak dia, anak dia

cakap lah berapa yang siap? Itu bila hendak ada? Kadang dia hendak cepat itu kelam kabut itu.

NIA: Kalau mak cik pak cik tidak ada stok produk, pelanggan akan ambil ke dia memang akan tunggu?

MU: Tunggu lah, tidak ada apa terpaksa.

ZK: Dia kata tidak apa kata dia, dia tahu susah, dia boleh tunggu boleh siap lah.

NIA: Mak cik dengan pak cik sahaja lah yang buat berdua sahaja? Tidak ada bantuan daripada mana mana?

MU: Tidak ada.

NIA: Memang berdua lah, okay.

Demikian tadi wawancara mengenai pengalaman Encik Mansor bin Ujang sebagai pengusaha seni kraftangan anyaman buluh. Saya bagi pihak Dekan Fakulti Sain Maklumat UiTM, mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesudian Encik Mansor dalam memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman. Semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta seterusnya generasi akan datang. Saya sudahi rakaman ini dengan ucapa ribuan terima kasih.

6.0 RALAT

Berikut merupakan gangguan-gangguan bunyi yang berlaku sepanjang sesi temu bual dijalankan bersama dengan Encik Mansor Bin Ujang dan Puan Zaitoniah Binti Karim di kediaman mereka yang terletak di Taman Sri Kundang, Hulu Langat, Selangor.

Bunyi batuk

Bunyi berdehem

Bunyi burung berkicau

Bunyi mikrofon dialihkan

7.0 LOG TEMUBUAL

Nama Tokoh Pertama: Encik Mansor Bin Ujang

Nama Tokoh Kedua: Puan Zaitoniah Binti Karim

Tarikh: 17 Mei 2026

Masa: 11:00 Pagi

Penemu Bual: Nur Aizatul Azwa & Nur Irdina Aisyah

MASA	AKTIVITI	CATATAN
00:00-1:40	Pengenalan Peserta Kajian	Peserta kajian memperkenalkan diri sebagai Encik Mansor bin Ujang berusia 71 tahun dan Puan Zaitoniah binti Karim berusia 65 tahun. Mereka berasal dari Batu 14 dan Batu 21, Sungai Lui, Hulu Langat. Peserta kajian turut berkongsi bahawa mereka mempunyai tiga orang anak, namun dua daripadanya telah meninggal dunia.
1:41-2:19	Latar Belakang Pekerjaan	Encik Mansor menjelaskan bahawa beliau pernah bekerja sebagai pemandu di Pejabat Daerah Hulu Langat selama 36 tahun, iaitu 18 tahun di Kajang dan 18 tahun di Bandar Baru Bangi sebelum bersara. Puan Zaitoniah pula merupakan suri rumah sepenuh masa.
2:25-2:50	Permulaan menceburi Seni Anyaman Buluh	Selepas bersara, Encik Mansor mula menghasilkan anyaman buluh sebagai hobi untuk mengisi masa lapang. Minat tersebut semakin berkembang apabila hasil anyaman mendapat sambutan dan tempahan daripada pelanggan.

3:25-3:45	Proses Mempelajari Kemahiran Anyaman	Peserta kajian menjelaskan bahawa mereka tidak pernah mengikuti kelas formal. Kemahiran diperoleh melalui pemerhatian terhadap orang tua yang menganyam buluh ketika masih muda. Selepas bersara, beliau mula mempraktikkan kemahiran tersebut sehingga menjadi mahir.
3:52-4:24	Tempoh Penglibatan	Encik Mansor menyatakan bahawa beliau telah menceburi bidang anyaman buluh selama kira-kira 13 tahun, iaitu sejak bersara pada usia 58 tahun.
4:46-5:30	Pandangan terhadap minat generasi muda	Peserta kajian berpendapat bahawa generasi muda kurang berminat terhadap seni anyaman buluh kerana proses pembuatannya rumit, memerlukan bakat, minat dan kesabaran.
6:05-6:15	Pengaruh teknologi dan media sosial	Menurut beliau, penggunaan telefon pintar dan media sosial menyebabkan generasi muda semakin kurang berminat mempelajari seni anyaman buluh. Malah, cucu-cucu mereka sendiri tidak menunjukkan minat terhadap aktiviti tersebut.
6:35-6:50	Persepsi Generasi Muda	Beliau berpendapat bahawa kebanyakan generasi muda menganggap seni anyaman buluh sebagai warisan yang ketinggalan zaman dan lebih diminati oleh golongan warga emas berbanding golongan muda.

7:12-7:57	Sokongan Keluarga dan Masyarakat	Informan menyatakan bahawa masyarakat memainkan peranan penting dalam mengekalkan seni anyaman buluh. Walau bagaimanapun, kekurangan individu yang berminat menyebabkan sukar mencari pelapis walaupun mereka bersedia mengajar sesiapa sahaja yang ingin belajar.
8:25-9:19	Cadangan Menarik Minat Generasi Muda	Apabila ditanya tentang langkah meningkatkan minat generasi muda, beliau mengakui sukar memberikan cadangan kerana mereka melihat generasi sekarang kurang menunjukkan minat terhadap seni anyaman buluh.
9:40-10:45	Peranan Institusi Pendidikan	Beliau berpendapat bahawa memperkenalkan seni anyaman buluh di sekolah mungkin boleh membantu, namun mereka masih ragu-ragu kerana kebanyakan kanak-kanak kini lebih banyak menghabiskan masa menggunakan telefon pintar berbanding mempelajari kemahiran tradisional.
10:58-11:15	Peranan Ibu Bapa	Beliau menjelaskan bahawa ibu bapa pada masa kini kurang menggalakkan anak-anak membantu atau mempelajari kemahiran menganyam buluh daripada datuk dan nenek. Keadaan ini menyebabkan proses pewarisan ilmu semakin berkurangan.

11:30-11:56	Punca Kekurangan Tenaga Mahir	Beliau menjelaskan bahawa semakin kurang individu mahir dalam seni anyaman buluh disebabkan oleh kurangnya pendedahan sejak kecil serta ketiadaan minat dalam kalangan keluarga. Menurut beliau, apabila ibu bapa sendiri tidak meminati bidang ini, anak-anak juga tidak akan berminat sehingga kemahiran tersebut semakin hilang.
12:18-13:24	Cabaran Melatih Individu Baharu	Beliau menerangkan bahawa seseorang yang ingin mempelajari anyaman buluh perlu mempunyai minat, bakat dan kesabaran. Mereka bersedia mengajar sesiapa sahaja, namun proses pembelajaran memerlukan ketelitian kerana kesilapan kecil perlu diperbetulkan semula agar anyaman menjadi kemas.
13:45-14:09	Tempoh Menguasai Kemahiran	Beliau menyatakan bahawa tiada tempoh yang tetap untuk menguasai kemahiran anyaman buluh. Tempoh pembelajaran bergantung kepada kesungguhan, kebolehan dan usaha individu kerana kemahiran ini tidak dapat dipelajari dalam masa sehari atau dua hari sahaja.
14:30-14:43	Kesungguhan Generasi Muda	Beliau memaklumkan bahawa pada masa kini tiada generasi muda yang datang belajar. Walau bagaimanapun, mereka pernah menerima pelajar yang menunjukkan kesungguhan dan minat yang tinggi terhadap seni anyaman buluh.

15:00-15:46	Cabaran Dalam Penghasilan Produk	Beliau menjelaskan bahawa cabaran utama ialah kekurangan modal, peralatan dan bahan mentah. Mereka perlu membeli pelbagai peralatan seperti gerudi, dawai dan rotan. Selain itu, pelanggan sering mahukan tempahan disiapkan dengan cepat sedangkan bekalan bahan kadangkala belum diperolehi.
16:00-17:30	Kos Bahan dan Peralatan	Beliau menerangkan bahawa harga rotan agak mahal dan sesetengah bahan seperti dawai sukar diperolehi kerana tidak dijual di semua kedai perkakasan. Keadaan ini menyebabkan proses penghasilan produk menjadi lebih sukar, terutama apabila stok bahan kehabisan dan modal yang ada terhad.
18:26-18:51	Langkah Mengatasi Kekurangan Tenaga Mahir	Beliau berpendapat bahawa pendedahan sahaja tidak mencukupi sekiranya generasi muda tidak mempunyai minat dan bakat. Mereka percaya bahawa usaha melatih pelapis hanya akan berjaya sekiranya terdapat individu yang benar-benar berminat untuk mempelajari seni anyaman buluh.
19:24-19:28	Penerimaan Masyarakat Terhadap Pekerjaan Anyaman	Beliau menjelaskan bahawa masyarakat melihat pekerjaan menganyam buluh lebih sebagai pekerjaan sampingan berbanding kerjaya tetap. Aktiviti ini dijalankan untuk menambah pendapatan selepas bersara.

19:47-20:42	Tempoh Penghasilan Produk	Beliau menerangkan bahawa tempoh menghasilkan sesuatu produk bergantung pada saiz dan jenis produk. Sebuah bakul kecil boleh disiapkan dalam masa satu hingga tiga jam, manakala produk yang lebih besar mengambil masa beberapa hari kerana proses anyaman dilakukan secara berperingkat mengikut masa lapang.
21:00-21:18	Proses Penghasilan Anyaman Buluh	Beliau menerangkan bahawa penghasilan sebuah bakul melibatkan pelbagai proses seperti menyediakan tapak, menganyam, meraut buluh, mengikat menggunakan dawai serta menyiapkan bingkai. Setiap proses dilakukan secara berasingan sebelum produk disiapkan sepenuhnya.
21:29-22:17	Perbezaan Teknik Mengikut Produk	Beliau menjelaskan bahawa teknik anyaman adalah berbeza mengikut saiz dan bentuk produk. Ukuran buluh perlu disesuaikan dengan saiz bakul kerana setiap produk memerlukan panjang buluh yang berlainan bagi menghasilkan bentuk yang dikehendaki.
22:36-23:45	Penjagaan Kualiti Produk	Beliau menekankan bahawa setiap anyaman perlu dibuat dengan teliti supaya jarak anyaman rapat dan kemas. Sebelum dijual, mereka akan memeriksa semula hasil anyaman dan membetulkan bahagian yang tidak kemas bagi memastikan produk memenuhi standard kualiti yang diinginkan.

24:01-24:52	Kaedah Pemasaran Produk	Beliau menjelaskan bahawa mereka tidak menggunakan kaedah pemasaran secara formal seperti media sosial atau platform dalam talian. Sebaliknya, produk dipasarkan melalui pelanggan tetap, tempahan secara terus dan promosi dari mulut ke mulut. Pelanggan tetap akan membuat tempahan secara berterusan setiap bulan
25:13-25:55	Strategi Memperkenalkan Produk kepada Masyarakat	Beliau berkongsi pengalaman menyertai pameran GeoPark Hulu Langat yang dianjurkan dengan bantuan ketua kampung. Penyertaan dalam pameran tersebut berjaya menarik perhatian pengunjung dan meningkatkan pendedahan terhadap produk anyaman buluh yang dihasilkan.
26:17-26:50	Cabaran Semasa Promosi dan Pameran	Beliau menyatakan bahawa cabaran utama ketika menyertai pameran ialah kekurangan stok produk dan tempoh persediaan yang singkat. Kadangkala jemputan diterima pada saat akhir menyebabkan mereka tidak sempat menyediakan produk yang mencukupi untuk dipamerkan dan dijual.
26:57-27:59	Peranan Ejen dan Pelanggan Tetap	Beliau mempunyai pelanggan tetap dari Subang yang bertindak sebagai ejen dengan membeli produk secara pukal untuk dijual semula. Produk dijual kepada ejen pada harga yang lebih rendah, manakala ejen bebas menetapkan harga jualan kepada pelanggan.

28:24-29:26	Persaingan dengan Produk Moden	Beliau menjelaskan bahawa walaupun terdapat produk anyaman keluaran kilang dari luar negara seperti China, pelanggan tetap masih memilih hasil anyaman tangan tempatan kerana lebih menghargai keaslian, nilai warisan dan kualiti buatan tangan.
29:42-31:55	Bantuan Kerajaan dan Agensi	Beliau berpendapat bahawa bantuan daripada kerajaan dan agensi tempatan melalui penyertaan dalam pameran banyak membantu memperkenalkan produk kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, jemputan yang diterima secara mengejut menyukarkan mereka menyediakan stok produk.
32:24-32:52	Cadangan Memperluaskan Pasaran	Beliau memaklumkan bahawa buat masa ini mereka hanya memasarkan produk dari rumah dan melalui pameran yang dianjurkan di kawasan sekitar. Mereka belum menyertai mana-mana agensi atau program pemasaran yang lebih besar kerana faktor usia dan kekangan masa.
33:07-34:04	Produk yang Mendapat Permintaan Tinggi	Beliau menyatakan bahawa bakul dua tingkat dan tiga tingkat merupakan produk yang paling mendapat permintaan daripada pelanggan. Mereka juga mengamalkan sistem tempahan dengan deposit bagi mengelakkan kerugian sekiranya pelanggan membatalkan tempahan.

34:20-35:45	Penetapan Harga Produk	Beliau menerangkan bahawa harga produk ditentukan mengikut saiz dan jenis produk. Harga paling murah ialah sekitar lima ringgit bagi bakul kecil, manakala produk tempahan khas seperti pukut buluh boleh mencecah seribu dua ratus ringgit dan mengambil masa lebih sebulan untuk disiapkan.
36:15-38:29	Nilai Warisan dan Keaslian Produk	Beliau menegaskan bahawa pelanggan lebih menghargai hasil anyaman buluh asli berbanding produk yang menggunakan rotan atau dihasilkan oleh mesin. Walaupun penggunaan rotan menghasilkan produk yang lebih cantik, kos bahan yang tinggi menyebabkan harga produk meningkat dan kurang mendapat sambutan.
38:37-41:36	Sumber Bahan Mentah	Beliau mendapatkan buluh daripada kawasan sekitar atau mengupah orang lain untuk mengambil buluh. Buluh perlu disimpan selama tiga hingga empat minggu sebelum digunakan supaya getahnya kering dan menghasilkan produk yang lebih berkualiti.
41:53-43:59	Peralatan Penghasilan Anyaman	Beliau menerangkan bahawa penghasilan produk memerlukan pelbagai peralatan seperti parang, gergaji, pisau raut, gunting, playar, pemotong buluh dan berus cat. Setiap alatan mempunyai fungsi tertentu dalam proses menyediakan dan menganyam buluh.

44:19-45:26	Pelanggan Tetap dan Tempahan	Beliau memaklumkan bahawa mereka mempunyai pelanggan tetap yang kerap membuat tempahan. Sekiranya stok habis, pelanggan sanggup menunggu sehingga produk siap kerana memahami proses penghasilan anyaman memerlukan masa dan dilakukan hanya oleh pasangan tersebut tanpa bantuan pekerja lain.
-------------	------------------------------	--

8.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian sejarah lisan mengenai seni kraf tangan anyaman buluh ini telah mencapai objektif yang ditetapkan melalui temu bual bersama Encik Mansor Bin Ujang dan Puan Zaitoniah Binti Karim, pengusaha Kraf Dol Buluh di Hulu Langat, Selangor. Kajian ini berjaya mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada penurunan minat generasi muda, antaranya kurangnya pendedahan awal, pengaruh teknologi, serta tanggapan bahawa seni anyaman buluh tidak lagi relevan pada masa kini. Selain itu, kajian turut mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pengusaha seperti kekurangan tenaga mahir, kesukaran mendapatkan bahan dan peralatan, serta kekangan dalam memasarkan produk kepada masyarakat yang lebih luas.

Melalui temu bual yang dijalankan, pelbagai pengalaman, pengetahuan dan kemahiran berkaitan proses penghasilan anyaman buluh telah berjaya didokumentasikan. Perkongsian daripada tokoh menunjukkan bahawa seni kraf tangan ini mencerminkan identiti budaya, kreativiti dan ketekunan masyarakat tempatan. Oleh itu, usaha pemeliharaan warisan ini perlu diperkukuhkan melalui penglibatan generasi muda, sokongan daripada kerajaan dan agensi berkaitan, serta penganjuran program promosi dan pendidikan yang lebih meluas. Diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat serta menyumbang kepada usaha memelihara dan mewariskan seni kraf tangan anyaman buluh agar terus dihargai oleh generasi akan datang.

9.0 INDEKS

A

anyaman.. 3, 4, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 20, 21, 22,
23, 24, 25, 26, 27, 28, 32, 33, 49, 51, 55, 56

B

bidang 9, 10, 11, 51
budaya 4, 5, 11, 12, 14, 16, 17, 22, 28, 49, 57
buluh ...3, 4, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 20, 21, 22, 23,
24, 25, 26, 27, 28, 30, 32, 33, 34, 35, 36, 49, 51, 52,
55, 56

K

kraf ..3, 4, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21,
23, 24, 28, 33, 49, 51

Kraf Dol Buluh..... 3, 4, 9, 10, 49

P

pengalaman3, 4, 12, 18, 37, 45, 49

S

seni. 3, 4, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21,
23, 28, 32, 33, 49, 51, 55, 56

T

tradisional4, 9, 10, 11, 12, 15, 16, 19, 20, 55

W

warisan.....3, 4, 12, 14, 16, 17, 33, 49, 51, 57

10.0 RUJUKAN

- Asrol Hasan, Ahmad Fazlan Ahmad Zamri, & Nursaffawati Nazihah Azhar. (2024). Bahan, Teknik dan Reka Bentuk Corak Anyaman Tradisional Bakul Lidi Lekar: Satu Perbandingan. *International Journal of Art & Design (IJAD)*, 8(1), 69-86.
- Berita Harian Online. (2026 Januari 23). *Mariah Setia Pulihara Warisan Seni Anyaman Mengkuang*. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2026/01/1500339/mariah-setia-pulihara-warisan-seni-anyaman-mengkuang>
- Buletin TV3. (2021, November 28). *KRAFTANGAN | Sentuhan anak muda dalam kraftangan rotan* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=vS0kl-IUQjo>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1994). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kraftangan Malaysia. (2023). *Bidang Kraf*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Retrieved April 30, 2026, from <https://www.kraftangan.gov.my/info/bidang-kraf>
- Malaysia Aktif. (2022 Jun 14). *Anyaman Buluh Jadi Kemahiran Warisan Keluarga*. <https://malaysiaaktif.my/2022/06/anyaman-buluh-jadi-kemahiran-warisan-keluarga-narty/>
- Malaysia Aktif. (2025 November 14). *Hasil Anyaman Rotan Mampu Jana Pendapatan*. <https://malaysiaaktif.my/2025/11/hasil-anyaman-rotan-mampu-jana-pendapatan/>
- Mohd Zaihidee Arshad. (2015). Warisan Kraf Buluh: Interpretasi Pendekatan Interdisiplin dalam Kajian Simbolisme Minda dan Tingkah Laku Sosio-Budaya Multi Etnik Sarawak. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 3, 141-150.
- Mohd Zaihidee. (2009). *Kraf Buluh Kampung Jal Kechil: Simbolisme Minda Dan Watak Dalam Sosiobudaya Melayu*. [Unpublished master's thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Noor Hafiza Ismail, Gregory Anak Kiyai @ Keai, Khairun Nisa Mustaffa Halabi, Maisarah Abd Hamid, Hamdzun Harun, Zuliskandar Ramli & Salina Abd. Manan. (2023). Mengkuang dan Pandan: Keindahan Anyaman Kelarai di Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 11(3), 31-47.
- Noor Hafiza Ismail. (2013). Budaya Dan Tradisi Seni Anyaman Melayu. *Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)*, 91-97.
- Nor Farziana Angat & Rahah Hj Hasan. (n.d.). Perkembangan Kraftangan Masyarakat Melayu Di Saribas, Sarawak.
- Nor Fatimah Abd Hamid. (2017). The Sustainability of Malay Traditional Craftsmanship as A Tourism Product in Melaka. Thesis degree of Master of Science.
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. (n.d.). *Seni Anyaman Tradisional – Pengenalan*. Memori.https://memori.kedah.com/page_pengenalan.php?p=1&idstopic=5&mtopic=1
- Razana Baharudin, Noriza Nayan, Nur Saadah Fathil, Ahmad Suhaimi Mohd Noor, Saridan Abd Hamid, Azman Uyub, & Abd Harith Hasan. (2014). Pembangunan Perisian Multimedia Interaktif: Seni Anyaman Melayu. *Journal of ICT in Education*, 1, 73-86.
- Roudhah Mohamad Saad, S., Banu Jan Mohamad, R., & Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan, C. (2012). *PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJRAH LISAN* (Vol. 6).
- Wahab, R. (2006) Penanaman dan Pemprosesan dalam Pengurusan Buluh. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Wan Rafiekal Wan Abdul Rahim & Roszehan Mohd Idrus. (2019). Sosioekonomi komuniti tempatan berkaitan dengan hasil hutan buluh dan rotan di Kelawat, Kota Belud, Sabah. *Asian People Journal (APJ)*. 2(1), 32-44.
- Yang, Y., Shafi, M., Song, X., & Yang, R. (2018). Preservation of cultural heritage embodied in traditional crafts in the developing countries. A case study of Pakistani handicraft industry. *Sustainability*, 10(5), 1336.

11.0 LAMPIRAN

11.1 Surat permohonan menjalankan temubual

www.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Sains
Maklumat

Ruj. Kami : 600-FSM (HEA.7/6/4)

Tarikh : 8 Mei 2026

Encik Mansor Bin Ujang

Pengusaha
Kraf Buluh Dol
No 2 Jalan 5, Taman Sri Kundang
43100, Hulu Langat
Selangor

Tuan

PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bagi memenuhi keperluan kursus **ORAL HISTORY AND DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE (IMR621)**, dua orang pelajar daripada program Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (CDIM261), Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana ingin menjalankan satu kajian dalam bentuk temubual di organisasi tuan pada **17 Mei 2026 (Ahad) jam 11 pagi**.

3. Untuk makluman tuan, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang faktor-faktor menyumbang kepada penurunan minat dalam kalangan generasi muda, isu berkaitan dengan kekurangan tenaga mahir serta cabaran dan strategi yang berkesan bagi memperkenalkan serta memperluaskan aspek komersial tentang seni kraftangan anyaman buluh.

4. Sehubungan itu, dalam usaha menyempurnakan kajian tersebut pihak kami memohon agar kebenaran bagi melaksanakan sesi temubual dapat diberikan kepada pelajar berkenaan :

Bil	Nama Pelajar	No. Pelajar	No. Telefon
1	Nur Aizatul Azwa Binti Rahim	2025178071	011-12298964
2	Nur Irdina Aisyah Binti Rahim	2025168061	017-3220649

5. Justeru, untuk sebarang pertanyaan dan maklumbalas, pihak tuan boleh menghubungi nombor yang tertera di atas. Perhatian, sokongan dan pertimbangan daripada pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

اوسها، تقوى، موليا

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HANIS DIYANA KAMARUDIN)

Pensyarah Kanan

Fakulti Sains Maklumat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
40150 Shah Alam, Selangor
MALAYSIA
Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148
Web: <http://fis.uitm.edu.my>



11.2 Borang perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

KURSUS IMR621: ORAL HISTORY AND DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE

Saya MANSOR BIN UTANG K/P: SSB209-10-6129 pada
.....(tarikh) dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah
diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti
berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada peserta temubual perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip tersebut.
3. Pihak Pusat Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh peserta temubual (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (naratif dari peserta temubual) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
Nama peserta kajian: MANSOR BIN UTANG
Tarikh: 16 Mei 2026

.....
Pensyarah: DR. HANIS DIYANA
BINTI KAMARUDDIN

11.3 Senarai soalan

NO.	SOALAN
1.	Objektif 1: Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan minat dalam kalangan generasi muda terhadap seni kraftangan anyaman buluh. 1) Pada pendapat Encik, adakah generasi muda pada masa kini masih berminat terhadap seni anyaman buluh? Mengapa? 2) Apakah faktor utama yang menyebabkan generasi muda kurang berminat untuk mempelajari seni anyaman buluh? 3) Adakah pengaruh teknologi dan media sosial memberi kesan terhadap minat generasi muda terhadap kraftangan tradisional ini? 4) Pada pandangan Encik, adakah generasi muda menganggap seni anyaman buluh sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman? 5) Pada pendapat Encik, apakah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan minat generasi muda terhadap seni anyaman buluh? 6) Apakah cabaran yang dihadapi oleh pengusaha dalam menarik minat generasi muda untuk mempelajari seni anyaman buluh?
2.	Objektif 2: Mengenal pasti isu berkaitan dengan kekurangan tenaga mahir serta cabaran dalam proses pembelajaran dan penghasilan seni kraftangan anyaman buluh. 1) Pada pendapat Encik, mengapakah semakin kurang individu yang mahir dalam seni anyaman buluh? 2) Apakah cabaran utama dalam melatih individu baharu untuk mempelajari seni anyaman buluh? 3) Berapa lamakah tempoh yang biasanya diperlukan untuk seseorang menguasai kemahiran anyaman buluh? 4) Apakah kesukaran yang sering dihadapi semasa proses penghasilan anyaman buluh? 5) Adakah faktor seperti kos bahan mentah dan peralatan memberi cabaran kepada proses anyaman buluh?

3.	Objektif 3: Mengenal pasti strategi yang berkesan bagi memperkenalkan serta memperluaskan aspek komersial dan pemasaran seni kraftangan anyaman buluh. 1) Apakah kaedah pemasaran yang digunakan untuk mempromosikan produk anyaman buluh? 2) Pada pendapat Encik, apakah strategi yang boleh menarik minat masyarakat untuk membeli produk anyaman buluh? 3) Apakah cabaran utama dalam memasarkan produk anyaman buluh kepada generasi muda? 4) Adakah bantuan daripada kerajaan atau agensi tertentu membantu dalam aspek pemasaran produk anyaman buluh? 5) Pada pandangan Encik, apakah langkah yang boleh dilakukan untuk memperluaskan pasaran seni kraftangan anyaman buluh ke peringkat yang lebih tinggi?
----	---

11.4 Diari penyelidikan

TARIKH	KETERANGAN	PROSES
31 Mac 2026	• Dr. Hanis mengajar dan menerangkan tentang sejarah lisan dan menjelaskan dengan lebih mendalam tentang tugas yang perlu dilakukan bagi subjek IMR621. • Tugas diberikan di mana kami perlu mencari tokoh yang memberi sumbangan kepada masyarakat atau tokoh yang berpengalaman dan berpengetahuan yang mendalam mengenai sesuatu bidang seperti budaya dan warisan bersejarah di Malaysia. • Tugas yang diberikan perlu dijalankan secara berpasangan. • Azwa dan Irdina membentuk kumpulan dan bekerjasama bagi menjalankan tugas ini.	SELESAI
7 April 2026	• Azwa dan Irdina membincangkan tajuk yang diinginkan bagi proposal projek sejarah lisan yang ingin dilakukan. • Perbincangan dan meminta pendapat daripada Dr. Hanis mengenai tajuk yang dipilih.	SELESAI
14 April 2026	• Menghubungi tokoh iaitu Encik Mansor Bin Ujang mengenai Hasrat kami bagi tujuan menemu bual beliau.	SELESAI
21 April 2026	• Menghubungi Encik Mansor Bin Ujang buat kali kedua bagi menetapkan tarikh dan waktu sesi temu bual. • Mendapatkan beberapa maklumat mengenai Encik Mansor Bin Ujang bagi menyiapkan proposal projek sejarah lisan.	SELESAI

2 Mei 2026	• Menyiapkan dan menghantar proposal projek sejarah lisan mengenai tajuk yang dipilih.	SELESAI
7 Mei 2026	• Azwa dan Irdina memohon surat kebenaran penyelidikan setelah mendapat kelulusan daripada Dr. Hanis dan dihantar kepada pihak HEA. • Pihak HEA menyemak semula surat yang diberi dan membetulkan surat. • Surat daripada pihak HEA diterima	SELESAI
17 Mei 2026	• Azwa dan Irdina bertolak ke Taman Sri Kundang, Hulu Langat iaitu kediaman Encik Mansor dan Puan Zaitoniah bagi menjalankan sesi temu bual secara bersemuka. • Sesi temu bual berjalan dengan lancar.	SELESAI
14 Jun 2026	• Laporan tugas dan transkrip temu bual mula dibuat	SELESAI
30 Jun 2026	• Azwa dan Irdina berjumpa dengan Dr. Hanis bagi menyemak tugas dan transkrip temu bual. • Menyemak dan membetulkan kesalahan tugas dan transkrip temu bual.	SELESAI
13 Julai 2026	• Menghantar transkrip dan audio di link google drive	SELESAI

11.5 Gambar Bersama tokoh

